

# AKAUN KELAB DAN PERSATUAN

**Kelab dan Persatuan**

- (a) Pengertian
- (b) Contoh kelab & persatuan
- (c) Sumber hasil & jenis belanja
- (d) Belanja hasil & modal
- (e) Pendapatan hasil & modal
- (f) Perbandingan perakaunan kelab & persatuan dengan entiti perniagaan

**Akaun Yuran**

Jenis Yuran

- (a) Yuran Masuk
- (b) Yuran Ahli
- (c) Yuran Pertandingan

Penyediaan Akaun Yuran Ahli

**Akaun Penerimaan dan Pembayaran**

Penyediaan Akaun Penerimaan & Pembayaran

**Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan**

Penyediaan Akaun Pendapatan & Pembayaran

**Kunci Kira-kira**

Pengertian dan Pengiraan Dana Terkumpul

# AKAUN KELAB DAN PERSATUAN

## Pengertian Kelab dan Persatuan di bawah Akta Pertubuhan 1966

1. Kelab dan persatuan merupakan badan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Bilangan ahlinya sekurang-kurangnya tujuh orang.
2. Tujuan utama penubuhannya ialah untuk memelihara dan menjaga kepentingan dan kebajikan ahlinya dengan menyediakan kemudahan dan bukan semata-mata untuk mencari keuntungan.
3. Kelab dan persatuan dikenali juga sebagai organisasi bukan dagangan.
4. Aktiviti kelab dan persatuan meliputi kegiatan sosial, rekreasi, program pembangunan akhlak, pendidikan, pertolongan dan sukan.


## **Contoh-contoh Kelab dan Persatuan**

Kelab Golf Awana  
Kelab Catur Damansara  
Persatuan Bulan Sabit Malaysia  
Badan Sosial dan Kebajikan Ulu Pari  
Persatuan Orang Cacat Malaysia

## **Sumber Hasil dan Jenis Belanja**

Sumber Hasil	Jenis Perbelanjaan
Yuran Ahli ( sumber utama)	Surat khabar dan majalah
Yuran masuk	Deram(dibayar)
Yuran Pertandingan	Alat tulis
Derma (diterima)	Dobi
Hasil pungutan pesta ria	Perabot, alatan dan lengkapan
Hasil pungutan jualan berselerak	Bangunan (kelab/persatuan)
Sewa loker	Sewa bangunan
Sewa bilik	Hadiah dan piala
Hasil aktiviti dagangan	Belanja meluaskan bangunan
Faedah simpanan tetap	Bayaran kehormat (honarium)
Sewa alat dan pakaian permainan	Belanja pemeliharaan dan penjagaan kawasan

## Rangka Akaun Yuran Ahli



Contoh:

Maklumat berikut merupakan petikan daripada akaun Persatuan Sukan Taman Segar mengenai pendapatan yuran ahlinya bagi tahun berakhir 31 Disember 2005:

	1 Jan 2005	31 Dis 2005
Yuran tertunggak	RM50	RM70
Yuran terdahulu	RM40	RM80

**Maklumat tambahan:**

Yuran yang diterima dalam tahun berakhir 31 Disember 2005 berjumlah RM 1 300.

**Anda dikehendaki** , bagi tahun berakhir 31 Disember 2005.

- (a) **Menyediakan** Akaun Yuran ( ahli ) .
- (b) **Menunjukkan** catatn yuran dalam Akaun Pendapatan dan Pernbelanjaan.
- (c) **Menunjukkan** bagi yuran dalm Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2005.

Rangka Akaun Penerimaan dan Pembayaran dan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan :

Mencatatkan **pendapatan modal dan pendapatan hasil .**

Mencatatkan **belanja modal dan belanja hasil .**

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2005			
2005	RM	2005	RM
Jan-01 Tunai di tangan b/b	x	Dis-31 Lekapan ( Belanja modal )	x
Tunai di bank b/b	x	Perabot ( Belanja modal )	x
Dis-31 Derma ( Belian alatan)( Pendapatan Modal)	x	Alatan pejabat ( Belanja modal)	x
Yuran Ahli ( Pendapatan hasil)	x	Bangunan ( Belanja modal )	x
Yuran Masuk ( Pendapatan hasil)	x	Belanja meluaskan bangunan ( Belanja modal )	x
Yuran Pertandingan ( Pendapatan hasil )	x	Dobi ( Belanja hasil )	x
Sewa loker ( Pendapatan hasil )	x	Derma ( Belanja hasil )	x
Sewa bilik ( Pendapatan hasil )	x	Alat tulis ( Belanja hasil )	x
Sewa alatan ( Pendapatan hasil )	x	Sewa bangunan ( Belanja hasil )	x
Faedah simpanan tetap ( Pendapatan hasil)	x	Hadiah dan piala ( Belanja hasil )	x
Kutipan jualan berselerak (Pendapatan hasil)	x	Bayaran kehormat ( Belanja hasil )	x
Jualan barang niaga ( Pendapatab hasil)	x	Pemeliharaan bangunan ( Belanja hasil )	x
		Belian barang niaga ( Belanja hasil )	x
		Tunai di tangan h/b	x
		Tunai di bank h/b	x
	<u>xx</u>		<u>xx</u>
2006			
Jan-01 Tunai di tangan h/b	x		
Tunai di bank h/b	x		
Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2005			
(Belanja Hasil)	RM	( Pendapatan Hasil )	RM
Dobi	x	Yuran ahli	x
Derma	x	Yuran masuk	x
Alat tulis	x	Yuran Pertandingan	x
Sewa bangunan	x	Sewa loker	x
Hadiah dan piala	x	Sewa bilik	x
Bayaran kehormat	x	Sewa alatan	x
Pemeliharaan bangunan	x	Faedah simpanan tetap	x
<b>Lebih Pendapatan</b>	x	Kutipan pesta ria **	x
		Kutipan jualan berselerak **	x
		<b>(Lebih Perbelanjaan )</b>	x
	<u>xx</u>		<u>xx</u>

\*\* Butir tercatat sebagai pendapatan hasil dengan anggapan penerimaannya **tidak** mempunyai " tujuan khas" tetapi semata-mata untuk **mengisikan** tabung kelab atau persatuan .